

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS – PAS]**

TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 63)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada tahun 2013.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) adalah sebuah agensi badan berkanun di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang sememangnya bergerak aktif dalam menjalankan fungsinya sebagai pusat penyelidikan nasional dalam mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda.
2. Pada tahun 2013, IYRES telah berjaya menjalankan kajian penyelidikan sebanyak 24 kajian merangkumi aspek Pembangunan Belia, Impak & Keberkesanan Program Belia, Pendapat Awam & Isu Semasa serta mempertimbangkan bantuan geran penyelidikan khusus kajian berkaitan belia.
3. Selain itu, IYRES turut berperanan sebagai "Think Tank" dan jambatan penghubung maklumat dan suara kepada belia melalui Program Intelektual seperti Program Forum Nasional, Persidangan Meja Bulat, Seminar, *Luncheon Talk* dan sebagainya. Skop serta topik yang dibincangkan dalam program intelektual ini dapat mempertajamkan daya fikiran dengan berhujah dengan idea dan fakta yang berkisarkan mengenai pelbagai isu nasional seperti isu ekonomi, isu sosial, jenayah dan sebagainya.
4. Pada tahun 2013, Kementerian Belia dan Sukan telah menyalurkan peruntukan pembangunan sebanyak RM2,240,000.00. Manakala sebanyak RM2,234,069 atau 99.74%

SULIT

telah dibelanjakan oleh IYRES bagi melaksanakan kajian-kajian berkaitan dengan pembangunan belia, impak & keberkesanan program belia, pendapat awam & isu semasa serta sosialisasi politik dan bantuan geran. Di samping itu, IYRES juga melaksanakan program sokongan penyelidikan dalam bentuk "outreach" dan menghubungi golongan muda serta meningkatkan kesedaran golongan belia mengenai daya penyelidikan

Sekian, terima kasih.